

PPIB UMS, JHEWA bantu usahawan tingkat kemahiran keusahawanan digital

UB 15.09.2023 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA), komited membantu usahawan meningkatkan kemahiran berkaitan keusahawanan digital melalui penguasaan bahasa Inggeris.

Usaha itu direalisasikan melalui pengajuran Program Bahasa Inggeris Untuk Pemasaran Media Sosial baru-baru ini.

Pengarah JHEWA, Haslina Ismail, berkata program itu bertujuan menangani isu kemahiran komunikasi digital dalam penggunaan bahasa Inggeris yang melibatkan pemasaran media sosial sebagai platform utama jual beli.

“Golongan usahawan perlu memahami dan menguasai bahasa Inggeris yang relevan untuk memasarkan produk atau perkhidmatan di media sosial, termasuklah penggunaan kata kunci yang betul dan teknik penulisan yang



KOMITMEN: Haslina (depan, empat dari kiri) bersama pensyarah dan peserta program berkenaan.

menarik.

“Dengan itu, usahawan berpeluang mengembangkan lagi perniagaan di peringkat lebih tinggi khususnya antarabangsa dan tidak hanya tertumpu dalam pasaran tempatan,” katanya ketika berucap semasa merasmikan program berkenaan.

Haslina turut memaklumkan program itu merupakan salah satu usaha kerjasama dalam aspek pemindahan ilmu melalui Knowledge Transfer Program (KTP)

oleh PPIB UMS.

“Penganjuran program seperti ini amat membantu dalam meningkatkan kemahiran keusahawanan digital dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium komunikasi.

“Program ini juga memantapkan keyakinan diri dengan keupayaan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi melalui media sosial,” katanya.

Antara yang terlibat dalam program itu empat pencer-

amah dari PPIB yang diketuai oleh Timbalan Dekan Pasca-sasiswazah dan Hubungan Antarabangsa PPIB, Dr. Priscilla Shak dan 14 peserta dari usahawan wanita Sabah di bawah pemantauan JHEWA.

Hadir sama Dekan PPIB, Profesor Madya Dr. Lai Yew Meng, Pensyarah Asas Pembudayaan Keusahawanan, Dr. Adeline Tam dan Dr. Kelvin Yong, serta Pensyarah bahasa Inggeris, Kamsilawati Kamlun.